



PENGUMUMAN

PENGEMASKINIAN KEPERLUAN *CONTINUING PROFESSIONAL EDUCATION (CPE)* BAGI PEMBAHARUAN PERAKUAN AMALAN SETIAUSAHA (PC)

Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**) telah bersetuju untuk mengiktiraf mata *Continuing Professional Education (CPE)* melalui kaedah pembelajaran secara dalam talian tanpa menetapkan had atau bilangan CPE yang dibenarkan mengikut tempoh sah Perakuan Amalan Setiausaha (**PC**).

Berdasarkan kepada syarat baharu di atas, maka mata CPE yang perlu dipatuhi boleh dikumpul sama ada dengan menghadiri latihan secara fizikal dan/atau secara dalam talian tanpa pecahan pembahagian mata CPE di antara kedua-dua kaedah pembelajaran tersebut.

Manakala syarat sedia ada berhubung keperluan CPE bagi pembaharuan PC di bawah seksyen 241 Akta Syarikat 2016 masih lagi terpakai seperti berikut:

- Setiausaha dikehendaki mengumpul bilangan mata CPE berdasarkan kepada tempoh sah PC yang ditunjukkan oleh jadual di bawah:

Tempoh Sah PC	Bilangan Mata CPE
1 tahun	20 mata CPE
2 tahun	40 mata CPE
3 tahun	60 mata CPE

- Mata CPE boleh dikumpul dengan menghadiri latihan anjuran SSM, badan professional yang diiktiraf, badan kawal selia, pembekal latihan (*training provider*) atau secara *in-house*.
- Mata CPE dikira berdasarkan kepada bilangan jam pembelajaran iaitu 1 jam pembelajaran bersamaan 1 mata CPE.
- Semua jenis atau kategori latihan dalam talian boleh diambilkira sebagai mata CPE iaitu termasuk webinars dan *e-learning*.
- Setiausaha perlu mematuhi jenis latihan dan peratusan mata CPE sepertimana yang dinyatakan di para 35, Garis Panduan Berhubung Perakuan Amalan Setiausaha Di Bawah Seksyen 241 Akta Syarikat 2016.

Terima kasih.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Tarikh : 10 Disember 2020